UUM/AA48/um/22.03.2005/p:26(4)

121 pelajar sekolah Guar Sanji berkampung di UUM

UM 22/3/05 26:4

SINTOK 21 Mac – Seramai 121 pelajar sekolah rendah daripada tujuh buah sekolah di kawasan Guar Sanji, Arau, Perlis berkampung di Kolej Kediaman Universiti Utara Malaysia (UUM) baru-baru ini dalam usaha untuk membina keyakinan dan menanam semangat mereka untuk menjejakkan kaki ke menara gading.

Pengarah projek, Mohd Alimin Mohd. Adib berkata, program selama dua hari anjuran Fakulti Pengajian Antarabangsa (FDA), UUM dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Khas Negeri Perlis (JASA) dan Biro Pendidikan UMNO Malaysia itu dipenuhi dengan sesi ceramah, motivasi, gerak kerja berkumpulan dan lawatan sekitar kampus.

Menurutnya, program yang bertemakan 'Perjuangan Pendidikan Demi Perubahan' itu juga secara tidak langsung dapat membantu melahirkan generasi yang mempunyai keyakinan diri, berketerampilan dan pembudayaan ilmu sebagai pelengkap kehidupan mereka di masa hadapan.

"Selain itu, murid-murid yang mengikuti program juga turut menunjukkan bakat masing-masing pada malam kesenian yang diadakan di Kompleks Konvensyen, UUM," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Tujuh buah Sekolah Kebangsaan dari kawasan Guar Sanji yang turut serta dalam program itu ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Changkat Jawi, SK Pauh, SK Jelempuk, SK Tambun Tulang, SK Arau, SK Serdang dan SK Raja Perempuan Budriah.

Sementara itu, Dekan (Pembangunan Pelajar), UUM, Dr. Ahmad Martadha Mohamed juga berharap agar murid-murid tersebut dapat menanamkan tekad dan semangat yang tinggi untuk menjejak kaki ke Lembah Sintok itu semula sebagai mahasiswa UUM.

"Walaupun hanya dua hari berkampung di Lembah Sintok yang dahulunya dikenali dengan tapak perjuangan parti komunis, namun daripada raut wajah mereka terpancar semangat untuk mereka kembali sebagai pelajar di sini," katanya.